AUTHOR: No author available SECTION: NASIONAL AUDIENCE : 82,252 PAGE: 18
PRINTED SIZE: 154.00cm² REGION: KL MARKET: Malaysia PHOTO: Black/White ASR: MYR 5,134
WORDS: 315 ITEM ID: DP0122509531



13 NOV, 2026

# Sasar tingkat kapasiti tenaga boleh baharu pada 2030

Berita Harian (MY), Malaysia

## Sasar tingkat kapasiti tenaga boleh baharu pada 2030

**Kuala Lumpur:** Kerajaan menetapkan sasaran peningkatan kapasiti tenaga boleh baharu (TBB) secara berfasa kepada 35 peratus pada 2030 di bawah Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK-13), 40 peratus menjelang 2035 dan aspirasi jangka panjang sebanyak 70 peratus menjelang 2050.

Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air, Datuk Seri Fadillah Yusof, berkata bagi merealisasikan sasaran itu, kerajaan melaksanakan pelbagai strategi termasuk program solar berskala besar (LSS), program solar ATAP berserta rebat dan solar *for self-consumption* (SelCo).

Beliau berkata, ini bagi menggalakkan pemasangan solar bumbung dan skim pembekalan tenaga boleh baharu korporat (CRESS) yang membolehkan syarikat korporat mendapat bekalan elektrik hijau secara terus.

"Selain itu, kuota tambahan 300 MW di bawah mekanisme *Feed-in Tariff* (FiT) turut diperuntukkan untuk projek biogas, biojisim dan hidrokuasa kecil bagi menggalakkan pelaburan serta penjanaan tenaga bersih terutama TBB bukan solar.

"Kerajaan juga sedang meneroka tenaga nuklear dan hidrogen sebagai sumber tenaga selain TBB menggantikan loji arang batu yang bakal ditamatkan secara berperingkat menjelang 2044, di samping mengukuhkan infrastruktur grid serta sistem penyimpanan tenaga bateri (BESS) untuk memastikan integrasi TBB stabil.

"Selari dengan usaha meningkatkan kapasiti TBB, Malaysia memberi tumpuan kepada peningkatan kecekapan tenaga untuk mengurangkan kebergantungan terhadap bahan api fosil," katanya dalam jawapan bertulis yang disiarkan dalam lama sesawang Parlimen.

Beliau menjawab soalan Jamaludin Yahaya (PN-Pasir Salak) mengenai sasaran pengurangan kebergantungan negara kepada bahan api fosil tanpa meningkatkan beban kos elektrik rakyat.

Fadillah yang juga Timbalan Perdana Menteri, berkata, pelaksanaan pelan tindakan kecekapan tenaga kebangsaan (NEEAP) 2016 hingga 2025 mengatasi sasaran dengan mencatatkan penjimatan tenaga sebanyak 60,886 GWj, pengurangan pelepasan gas rumah kaca sebanyak 35.6 juta tan karbon dioksida (CO? ) dan anggaran penjimatan kos utiliti melebihi RM16.1 bilion menerusi pelbagai program serta inisiatif.

"Sebagai kesinambungan, kerajaan MADANI menerusi kementerian ini sudah melancarkan NEEAP 2.0 (2026 hingga 2035) yang disokong oleh penguatkuasaan Akta Kecekapan dan Konservasi Tenaga (EECA) 2024 bagi mencakupi pengurangan permintaan tenaga elektrik serta termal," katanya.

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.